Chow Lin Choy lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — SEMAKAN JENAYAH NO 43–23 TAHUN 2009
KAMARDIN HASHIM PK
11 NOVEMBER 2009

Prosedur Jenayah — Ikat jamin — Kesalahan tidak boleh dijamin — Memiliki senjata api — Pertuduhan di bawah Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 — Kesalahan tidak boleh dijamin — Sama ada mahkamah mempunyai budi bicara dalam keadaan-keadaan tertentu untuk membenarkan jamin — Sama ada tertuduh wajar dibenarkan jamin — Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 s 12 — Kanun Prosedur Jenayah s 388 — Perlembagaan Persekutuan perkara 5 & 8

Dalam kes ini tertuduh telah dihadapkan dengan dua pertuduhan iaitu memiliki sepucuk senjata api bersama tujuh butir peluru di dalam kelopak dan memiliki tujuh butir peluru dalam poket seluar tertuduh. Bagi pertuduhan pertama tertuduh melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 8 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 ('Akta 37') manakala bagi pertuduhan kedua, tertuduh melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 8 Akta Senjata 1960 ('Akta 206'). Seksyen 12 Akta 37 memperuntukkan dengan jelas bahawa semua kesalahan di bawah Akta itu tidak boleh diberi jamin tanpa mengira mana-mana peruntukan undang-undang bertulis yang lain serta tanpa mengira prinsip undang-undang yang berlawanan. Apabila kedua-dua pertuduhan tersebut dibacakan, tertuduh mengaku tidak bersalah. Sementara menunggu pertuduhan terhadap tertuduh dibicarakan pihak pembelaan memohon agar tertuduh dibebaskan atas jaminan selaras dengan peruntukan di bawah s 388 Kanun Prosedur Jenayah ('KPJ'). Dalam permohonannya untuk dibebaskan atas jamin tertuduh telah memberikan alasan-alasan, antara lain, bahawa tertuduh adalah seorang pesakit diabetes dan perlu kerap mengambil suntikan ubat daripada doktor dan tertuduh juga mengalami penyakit mental seperti disahkan oleh pakar perubatan. Walau bagaimanapun permohonan tersebut telah ditolak oleh hakim mahkamah sesyen ('HMS'). Isu di hadapan mahkamah ini adalah untuk menentukan sama ada keputusan HMS menolak permohonan tertuduh untuk dibebaskan atas jaminan sementara menunggu perbicaraan dua pertuduhan terhadap tertuduh itu betul mengikut undang-undang, teratur dan bersesuaian di dalam keadaan kes ini.

Diputuskan, membenarkan permohonan:

(1) Kedua-dua pertuduhan yang dihadapi oleh tertuduh adalah

kesalahan-kesalahan yang tidak boleh dijamin. Walau bagaimanapun, mahkamah mempunyai budi bicara dalam keadaan-keadaan tertentu untuk membenarkan jaminan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s 388 KPJ (lihat perenggan 8).

(2) Prinsip-prinsip yang telah diputuskan bagi kes-kes yang melibatkan tafsiran s 41B Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') adalah terpakai dalam kes-kes yang melibatkan tafsiran terhadap s 12 Akta 37. Walau apapun, peruntukan yang terdapat sama ada di bawah ADB mahupun di bawah Akta 37 tersebut mahkamah berpendapat apa yang lebih penting kesemuanya yang ada tidak boleh mengatasi perkara 5 dan perkara 8 Perlembagaan Persekutuan yang berkaitan dengan keadilan sejagat dan kesamarataan. Seksyen 323 KPJ memberikan kuasa yang cukup luas kepada mahkamah untuk memeriksa dan menentukan bahawa keputusan HMS menolak permohonan jamin adalah betul, mengikut undang-undang dan bersesuaian untuk mengelakkan tidak berlakunya ketidakadilan kepada tertuduh (lihat perenggan 13).

(3) Walaupun umur tertuduh dan keadaan fizikal beliau tidak setua dan 'fragile' seperti tertuduh di dalam kes *Public Prosecutor v Dato' Balwant Singh* (No 1) [2002] 4 MLJ 427 ('*Dato' Balwant Singh*'), namun beliau telah menunjukkan kepada mahkamah bahawa beliau perlu kerap mengambil ubat melalui suntikan dan beliau akan menghadapi kesukaran untuk berbuat begitu sekiranya ditahan. Pengataan pihak pendakwaan bahawa tidak pernah jaminan diberikan bagi pesalah di bawah Akta Senjata Api ini juga adalah tidak tepat. Ada kes di bawah Akta itu telah dibenarkan dijamin dan banyak juga kes di bawah ADB yang mempunyai peruntukan yang serupa telah juga diberikan jamin: *Che Su binti Daud v Public Prosecutor* [1978] 2 MLJ 162; [1978] 1 LNS 23. Jika tertuduh lain telah ditawarkan jamin oleh pihak pendakwaan ataupun telah dibenarkan jamin oleh mahkamah maka tertuduh sewajarnya mendapat layanan yang sama seperti tertuduh yang lain tersebut (lihat perenggan 16–17).

(4) Setelah menimbangkan permohonan tertuduh, masalah kesihatan beliau, jaminan beliau untuk tidak akan menghilangkan diri serta hak kesamarataan tertuduh seperti dijamin di bawah perkara 8 Perlembagaan Persekutuan, mahkamah membenarkan permohonan tertuduh untuk dijamin keluar sementara menunggu perbicaraan terhadap beliau dengan menggenakan syarat-syarat yang ketat. Tertuduh di dalam kes *Dato' Balwant Singh* yang menghadapi tuduhan bunuh di bawah s 302 Kanun Keseksaan telah diberi jamin atas sebab-sebab kesihatan maka tertuduh dalam kes ini wajar dipertimbangkan dan dibenarkan untuk diberi jamin tanpa mengira halangan yang diperuntukkan di bawah s 12 Akta 37 tersebut (lihat perenggan 19).

[English summary

In this case, the accused was faced with two charges, ie possession of firearms with seven bullets in it and possession of seven bullets in his trousers pocket. For the first charge, the accused had committed an offence punishable under s 8 of the Firearm (Increased Penalty) Act 1971 ('Act 37') while for the second charge, the accused had committed an offence punishable under s 8 of the Arms Act 1960 ('Act 206'). Section 12 of Act 37 provides clearly that all offences under the said Act are non-bailable regardless of any other written legal provision and regardless of any contrary legal principles. After both charges were read, the accused pleaded not guilty. Pending trial of the charge against the accused the defence prayed that the accused be acquitted on bail in accordance with the provision under s 388 of the Criminal Procedure Code ('CPC'). In his application to be released on bail the accused had given reasons, inter alia, that he was a diabetic patient and to frequently take medical injections from the doctor and he was also a metal patient as confirmed by the medical expert. However, the said application was dismissed by the sessions court judge ('SCJ'). The issue before this court was to determine whether the SCJ's decision in dismissing the accused's application to be released on bail pending the trial of the two charges against the accused was correct in accordance to the law, proper and appropriate in the circumstances of this case.

Held, allowing the application:

(1) The two charges faced by the accused were non-bailable offences. However, the court had discretion in certain circumstances to allow bail as provided under s 388 of the CPC (see para 8).

(2) The principles decided for cases involving the interpretation of s 41B of the Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA') was applicable in cases which involved interpretation of s 12 of Act 37. However, it was the court's view that the available provision whether under DDA or under Act 37 could not supersede arts 5 and 8 of the Federal Constitution with regards to universal justice and equality. Section 323 of the CPC provides extensive power to the court to examine and determine that the decision of the SCJ dismissing the bail application was correct, in accordance with the law and proper to avoid the occurrence of injustice towards the accused (see para 13).

(3) Although the accused's age and physical appearance was not as old and fragile as the accused in the case of *Public Prosecutor v Dato' Balwant Singh* (No 1) [2002] 4 MLJ 427 ('*Dato' Balwant Singh*'), the accused had shown to court that he frequently needed medication by injections and it would be difficult for him if he was arrested. The prosecution's allegation that no bail was given to an offender under this Firearm Act was also not accurate. There are cases under the Act that allows bail and there are also many cases under the DDA with similar provisions given

bail: *Che Su binti Daud v Public Prosecutor* [1978] 2 MLJ 162; [1978] 1 LNS 23. If other accused was offered bail by the prosecution or allowed bail by the court, it was proper for the accused to receive the same treatment as the other accused (see paras 16–17).

(4) After considering the accused's application, his health problem, his assurance that he will not disappear and his equal rights as guaranteed under art 8 of the Federal Constitution, the court allowed the accused's application for bail pending the trail against him by imposing strict conditions. The accused in the case of *Dato' Balwant Singh* who was charged with murder under s 302 of the Penal Code was given bail on health matters and therefore the accused in this case should be duly considered and allowed bail regardless of the restriction provided under s 12 of Act 37 (see para 19).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kesalahan tidak boleh dijamin, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 881–912.

Kes-kes yang dirujuk

Che Su binti Daud v PP [1978] 2 MLJ 162; [1978] 1 LNS 23, MT (dirujuk)
Hari Ram Seghal v PP [1981] 1 MLJ 165, MT (dirujuk)
Ho Huan Chong & Ors v PP [1980] 2 MLJ 289, HC (dirujuk)
Leong Siew Hoong v PP [1988] 1 MLJ 396, MT (dirujuk)
Liaw Kwai Wah & Anor v PP [1987] 2 MLJ 69; [1987] 1 CLJ 35, MA (dirujuk)
Lim Kiap Khee v PP [1988] 1 MLJ 198; [1987] 2 CLJ 442, MT (dirujuk)
Loy Chin Hei v PP [1982] 1 MLJ 31, MT (dirujuk)
PP v Chew Siew Luan [1982] 2 MLJ 119, MP (dirujuk)
PP v Dato' Balwant Singh (No 1) [2002] 4 MLJ 427; [2002] 4 CLJ 155, MT (diikut)
PP v Goh Chooi Guan [1978] 2 MLJ 169 (dirujuk)
PP v Ilamaran [1992] 1 MLJ 672, MT (dirujuk)
PP v Leong Ying Ming [1993] 1 MLJ 177, MA (dirujuk)
PP v Muhari bin Mohd Jani & Anor [1996] 3 MLJ 116; [1999] 8 CLJ 430, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 39B(2), 41B
Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ss 31, 35
Akta Senjata 1960 s 8(a)
Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 ss 8, 12
Kanun Keseksaan s 302
Kanun Prosedur Jenayah ss 323, 324, 325, 326, 327, 388, 388(1), (2)
Perlembagaan Persekutuan perkara 5, 8

A

Gavin Low (Kuan & Co) bagi pihak pemohon.
Ian Shang Kuan Chou Chuen (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-Undang, Negeri Johor) bagi pihak pendakwaan.

B **Kamardin Hashim PK:**

[1] Melalui surat bertarikh 9 September 2009 dari Tetuan Kuan & Company yang hanya diserahkan pada 12 Oktober 2009 memohon kepada mahkamah ini untuk keputusan Tuan Hakim Mahkamah Sesyen 3 di Johor Bahru (HMS) yang diberikan pada 8 September 2009 dan 12 Oktober 2009 yang menolak permohonan tertuduh untuk dibebaskan atas jaminan sementara menunggu perbicaraan atas dua pertuduhan yang dihadapkan kepada tertuduh. Oleh kerana keperluan perkara ini disegerakan supaya tertuduh boleh terus dijamin keluar dan dibebaskan dengan segera maka permohonan ini difailkan dan sebaliknya tidak melalui proses rayuan yang akan memakan masa.

[2] Mengenai bidang kuasa dan kuasa-kuasa semakan yang diberikan kepada Mahkamah Tinggi adalah seperti diperuntukkan di bawah ss 323–327 Kanun Prosedur Jenayah ('KPJ') dan ss 31 dan 35 Akta Mahkamah Kehakiman 1964. Peruntukan-peruntukan tersebut telah memberikan kuasa yang cukup luas kepada mahkamah ini untuk menentukan sama ada keputusan mahkamah bawahan jenayah itu betul, mengikut undang-undang atau bersesuaian mengenai sesuatu keputusan, hukuman ataupun perintah yang diberikan serta dari segi sama ada teraturnya sesuatu prosiding (lihat kes *Public Prosecutor v Muhari bin Mohd Jani & Anor* [1996] 3 MLJ 116; [1999] 8 CLJ 430; *Liaw Kwai Wah & Anor v Public Prosecutor* [1987] 2 MLJ 69; [1987] 1 CLJ 35).

[3] Isu di hadapan mahkamah ini sekarang adalah untuk menentukan sama ada keputusan Tuan HMS menolak permohonan tertuduh untuk dibebaskan atas jaminan sementara menunggu perbicaraan dua pertuduhan terhadap tertuduh itu betul mengikut undang-undang, teratur dan bersesuaian di dalam keadaan kes ini. Bagi tujuan tersebut, mahkamah ini perlu melihat kepada rekod prosiding di hadapan Tuan HMS. Atas arahan, rekod prosiding tersebut telah pun dikemukakan ke mahkamah ini.

[4] Setelah menyemak rekod prosiding dan mendengar hujahan pihak peguambela terpelajar serta hujahan timbalan pendakwa raya terpelajar, saya telah membenarkan permohonan tertuduh untuk dibebaskan atas jaminan sementara menunggu perbicaraan. Pihak pendakwaan tidak berpuashati terhadap keputusan tersebut dan sekarang merayu ke Mahkamah Rayuan.

[5] Dalam kes ini tertuduh telah dihadapkan dengan dua pertuduhan seperti berikut:

Pertuduhan pertama:

Bahawa kamu pada 17 April, 2009 jam lebih kurang 5.00 petang di dalam kereta No. Pendaftaran BGD 5727 (terpasang adalah No. Pendaftaran palsu BGL 5272) semasa berada di Jalan Permas Barat, Permas Jaya, didalam Daerah Johor Bahru didalam negeri Johor Darul Ta'zim telah didapati dalam milik kamu sepucuk senjatapi jenis COLTS MK IV SERIES 70 GOVERNMENT MODEL.45 AUTOMATIC CALIBRE bersama 7 butir peluru jenis.45 AUTO BM 08 didalam kelopak tanpa kebenaran yang sah. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 8 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 (Akta 37).

Pertuduhan kedua:

Bahawa kamu pada 17 April, 2009 jam lebih kurang 5.00 petang semasa berada di Jalan Permas Barat, Permas Jaya, di dalam Daerah Johor Bahru didalam Negeri Johor Darul Ta'zim telah didapati dalam milik kamu 7 butir peluru jenis.45 AUTO BM 08 dalam satu uncang kain bertulis Olympus dalam poket seluar hadapan sebelah kiri tanpa lesen yang dikeluarkan kepada kamu. Oleh itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 8 Akta Senjata 1960 (Akta 206).

[6] Seksyen 12 Akta 37 memperuntukkan dengan jelas bahawa semua kesalahan di bawah Akta itu tidak boleh diberi jamin tanpa mengira mana-mana peruntukan undang-undang bertulis yang lain serta tanpa mengira prinsip undang-undang yang berlawanan. Peruntukan s 12 tersebut berbunyi:

12 No bail to be granted in respect of offences under this Act

(1) Bail shall not be granted to an accused person charged with an offence under this Act.

(2) The provisions of subsection (1) shall apply notwithstanding any other written law or any rule of law to the contrary.

[7] Tiada terdapat peruntukan yang serupa di bawah Akta Senjata 1960 yang menghalang jaminan diberikan kepada tertuduh sepertimana s 12 Akta 37 tersebut.

[8] Kesalahan di bawah s 8 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971, jika sabit kesalahan hendaklah dihukum penjara maksima sehingga 14 tahun dan juga dikenakan hukuman rotan tidak kurang daripada enam sebatan. Manakala bagi kesalahan di bawah s 8(a) Akta Senjata 1960 pula jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara sehingga maksima tujuh tahun atau dikenakan hukuman denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau

kedua-duanya sekali. Berdasarkan kepada Jadual Pertama kepada KPJ, bagi kesalahan-kesalahan di luar Kanun Keseksaan yang mana hukuman yang ditetapkan boleh membawa hukuman mati atau hukuman penjara melebihi tujuh tahun, kesalahan-kesalahan tersebut adalah kesalahan-kesalahan yang tidak boleh dijamin (not bailable). Begitulah juga berdasarkan kepada s 12 Akta 37 tersebut, pertuduhan pertama terhadap tertuduh dalam kes ini adalah satu kesalahan yang tidak boleh dijamin. Oleh itu nampaknya kedua-dua pertuduhan yang dihadapi oleh tertuduh adalah kesalahan-kesalahan yang tidak boleh dijamin. Walaupun kesalahan-kesalahan tersebut tidak boleh dijamin namun mahkamah mempunyai budi bicara dalam keadaan-keadaan tertentu untuk membenarkan jaminan sebagaimana diperuntukkan di bawah s 388 KPJ (lihat kes *Lim Kiap Khee v Public Prosecutor* [1988] 1 MLJ 198; [1987] 2 CLJ 442 dan kes *Public Prosecutor v Goh Chooi Guan* [1978] 2 MLJ 169).

[9] Mengikut rekod prosiding, apabila kedua-dua pertuduhan tersebut dibacakan, tertuduh mengaku tidak bersalah. Pihak pembelaan memohon agar tertuduh dibebaskan atas jaminan selaras dengan peruntukan di bawah s 388 KPJ sementara pertuduhan terhadap tertuduh dibicarakan. Walau bagaimanapun permohonan tersebut telah ditolak oleh Tuan HMS. Seksyen 388 KPJ setakat yang berkaitan dan penting bagi kes di hadapan mahkamah ini sekarang, memperuntukkan seperti berikut:

> 388 When person accused of non-bailable offence may be released on bail
>
> (1) When any person accused of any non-bailable offence is arrested or detained without warrant by a police officer or appears or is brought before a Court, he may be released on bail by the officer in charge of the police district or by such Court, but he shall not be so released if there appears reasonable grounds for believing that he has been guilty of an offence punishable with death or imprisonment for life:
>
> Provided that the Court may direct that any person under the age of sixteen years or any women or any sick or infirm person accused of such an offence be released on bail.
>
> (2) If it appears to such officer or Court at any stage of the investigation, inquiry or trial, as the case may be, that there are not reasonable grounds, for believing that the accused has committed a non-bailable offence, but there are sufficient grounds for further inquiry into his guilt, the accused shall, pending such inquiry, be released on bail, or, at the discretion of such officer or Court, on the execution by him of a bond without sureties for his appearance as hereinafter provided.

[10] Di dalam kes ini tertuduh dibawa atas waran tangkap untuk menghadapi dua pertuduhan di hadapan Tuan HMS yang mana kedua-dua pertuduhan tersebut adalah kesalahan yang tidak boleh dijamin, maka bagi maksud permohonan tertuduh di sini hanya s 388(1) yang berkaitan dan

terpakai. Manakala s 388(2) adalah terpakai bagi kes-kes di mana perbicaraan telah separuh dijalankan. Yang Arif Hakim Augustine Paul (sekarang HMP) dalam kes *Public Prosecutor v Dato' Balwant Singh (No 1)* [2002] 4 MLJ 427; [2002] 4 CLJ 155 telah menjelaskan peruntukan berkenaan seperti berikut:

> The applicable provision would therefore be s 388(1). The general principle underlying the section is that bail may be granted at the discretion of the court in non-bailable offences. A qualification has been made in the case of offences punishable with death and life imprisonment whereby bail shall not be granted if there appears reasonable grounds for believing that the accused is guilty of such offences. It follows that where there are no reasonable grounds bail can be granted even in such cases at the discretion of the court. The restriction that has been imposed does not apply to the instances enumerated in the proviso to s 388(1) with the result that bail may be granted at the discretion of the court ... it is superfluous to state that where the proviso applies the accused is not entitled to bail as of right but only at the discretion of the court as in the case of other non-bailable offences.

[11] Bantahan utama oleh pihak pendakwaan terhadap permohonan jamin oleh tertuduh adalah berasas kepada peruntukan di bawah s 12 Akta 37 tersebut yang secara jelasnya menyekat budi bicara mahkamah untuk membenarkan jamin. Adalah hujahan pihak pendakwaan bahawa kesalahan di bawah Akta 37 adalah kesalahan 'unbailable' dan bukannya kesalahan 'non-bailable' dan bahawa kesalahan ini tidak pernah tertuduh diberi jamin. Oleh itu s 388 KPJ adalah tidak terpakai. Saya sedia maklum berkaitan tafsiran yang diberikan oleh mahkamah atasan mengenai peruntukan yang terdapat di bawah s 41B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang pari materia dengan s 12 Akta 37. Yang Arif Hakim Wan Yahya (ketika itu) dalam kes *Loy Chin Hei v Public Prosecutor* [1982] 1 MLJ 31 telah memutuskan seperti berikut:

> I have had several occasions to look at s 41B of the Dangerous Drugs Act 1952 and it appears to me that the section contains not only express provisions which make the offence absolutely unbailable but also expresses in unequivocal language the intention of the legislature to restrict the judicial discretion as contained in the Criminal Procedure Code (FMS Cap 6) and other judge made laws. The expression 'notwithstanding any written law or any rule of law', to my mind, would include the provisions of the Criminal Procedure Code and also judge made laws or judicial precedents on bail. Section 41B of the Dangerous Drugs Act, being a particular subsequent legislation, must be construed as having curtailed the discretion to grant bail in drug offences punishable with death or life imprisonment previously vested in the courts by an earlier general legislation, ie the Criminal Procedure Code. When an Act enacts something in general terms and afterwards another Act on a particular subject introduces in express terms special restrictions on that subject, then the rule of construction demands that the provisions in the subsequent particular legislation should prevail and the provisions of the earlier legislation deemed curtailed or restricted to the extent of its inconsistency with the later legislation but not necessarily repealed.

[12] Keputusan YA Hakim Wan Yahya di atas disahkan oleh YM Raja Azlan Shah CJM (ketika itu) dalam kes *Public Prosecutor v Chew Siew Luan* [1982] 2 MLJ 119 di mana telah memutuskan seperti berikut:

> We do not therefore agree with the learned judge that it is open to a court to subject the express provisions regarding bail in s 41B of the Dangerous Drugs Act 1952 to the provisions relating thereto in the Criminal Procedure Code (FMS Cap 6). The provisions regulating the granting of bail under the Dangerous Drugs Act must be construed in the context of that Act and not in that of the Criminal Procedure Code and to that extent the general provisions of the Criminal Procedure Code must ex necessitate yield to the specific provisions of s 41B of the Dangerous Drugs Act in that regard.

(Sila lihat juga kes-kes *Public Prosecutor v Ilamaran* [1992] 1 MLJ 672; *Leong Siew Hoong v Public Prosecutor* [1988] 1 MLJ 396; dan *Public Prosecutor v Leong Ying Ming* [1993] 1 MLJ 177).

[13] Pada pandangan saya prinsip-prinsip yang sama yang telah diputuskan di atas bagi kes-kes melibatkan tafsiran s 41B Akta Dadah Berbahaya 1952 juga terpakai dalam kes-kes yang melibatkan tafsiran terhadap s 12 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971, termasuklah kes di hadapan mahkamah sekarang. Walau apapun peruntukan yang terdapat sama ada di bawah Akta Dadah Berbahaya mahupun di bawah Akta Senjata Api tersebut pada hemat saya apa yang lebih penting kesemuanya yang ada tidak boleh mengatasi Perlembagaan Persekutuan oleh kerana ianya adalah undang-undang tertinggi negara. Perkara yang menarik perhatian saya adalah terhadap perkara 5 dan perkara 8 yang berkaitan dengan keadilan sejagat dan kesamarataan. Seksyen 323 KPJ memberikan kuasa yang cukup luas kepada saya untuk memeriksa dan menentukan kepuasanhati saya bahawa keputusan Tuan HMS menolak permohonan jamin adalah betul, mengikut undang-undang dan bersesuaian untuk mengelakkan tidak berlakunya ketidakadilan kepada tertuduh. Seperti kata Yang Arif Hakim Wan Yahya (ketika itu) mengenai peruntukan s 323 KPJ dalam kes *Hari Ram Seghal v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 165, katanya:

> The object of these provisions is to correct any miscarriage of justice arising not only from error in judgment and procedure but from neglect or indolence on the part of those in authority and resulting in undeserved hardship on any individual affected by such judgment, neglect or indolence.

[14] Yang Arif Hakim Ajaib Singh (ketika itu) dalam kes *Ho Huan Chong & Ors v Public Prosecutor* [1980] 2 MLJ 289 telah memberikan pandangan bahawa walau bagaimana 'strict' peruntukan s 41B Akta Dadah Berbahaya 1952 namun ini tidak menghalang mahkamah daripada meneliti dengan lebih mendalam bagi memastikan sama ada prasyarat penolakan jaminan telah pun dipatuhi. Beliau berkata:

> The provisions of s 41B of the Dangerous Drugs Ordinance are of serious nature. They deprive a person of his liberty so that it becomes the duty of the court to see that the conditions under which an accused person is to be refused bail are strictly followed. It is true that on the face of it as the charge stands in the present case bail is not to be granted. But where bail for any offence is disallowed by law under certain circumstances, such as those found in s 41B of the Dangerous Drugs Ordinance, then the court is perfectly entitled to inquire further into the matter and satisfy itself whether any condition precedent to the disallowing of bail has been fulfilled.

[15] Dalam kes di hadapan mahkamah ini, tertuduh telah memberikan alasan-alasan berikut dalam permohonannya untuk dibebaskan atas jamin, iaitu di antaranya:

(a) Tertuduh telah ditangkap bersama-sama dengan seorang suspek yang lain di dalam sebuah kenderaan yang sama tetapi suspek itu telah dilepaskan tanpa sebarang pertuduhan. Suspek itu yang memandu kereta dan senjata api tersebut telah ditemui di dalam kereta itu. Hanya tujuh biji peluru ditemui dalam poket seluar tertuduh semasa beliau mendapat rawatan di hospital;

(b) Tertuduh adalah pencari nafkah utama keluarga dan tertuduh mempunyai tanggungan seorang isteri, ibu dan tiga orang anak yang masih bersekolah;

(c) Tertuduh adalah seorang pesakit *diabetic* dan perlu kerap mengambil suntikan ubat daripada doktor. Tertuduh juga mengalami masalah kolestrol yang tinggi serta mengalami tekanan darah tinggi dan berkemungkinan mendapat 'stroke' pada bila-bila masa apatah lagi jika di dalam tahanan;

(d) Tertuduh juga mengalami penyakit mental seperti disahkan oleh Pusat Perubatan Pakar Pantai Klang; dan

(e) Tiada mana-mana pihak dicederakan atau menjadi mangsa dalam kes ini.

[16] Tertuduh telah mengemukakan kepada mahkamah ini rekod-rekod perubatan beliau dari Hospital Pakar Pantai serta Hospital Universiti. Walaupun umur tertuduh dan keadaan fizikal beliau tidak setua dan 'fragile'

seperti Dato' Balwant Singh, namun beliau telah menunjukkan kepada mahkamah bahawa beliau perlu kerap mengambil ubat melalui suntikan dan beliau akan menghadapi kesukaran untuk berbuat begitu sekiranya ditahan. Pengataan pihak pendakwaan bahawa tidak pernah jaminan diberikan bagi pesalah di bawah Akta Senjata Api ini juga adalah tidak tepat. Ada kes di bawah Akta itu telah dibenarkan dijamin dan banyak juga kes di bawah Akta Dadah Berbahaya yang mempunyai peruntukan yang serupa telah juga diberikan jamin. Dalam kes *Che Su binti Daud v Public Prosecutor* [1978] 2 MLJ 162; [1978] 1 LNS 23 tuduhan di bawah s 39B(2) Akta Dadah Berbahaya telah diberi jamin atas alasan tertuduh perlu menyusukan anaknya walaupun menyusukan anak boleh dilakukan di dalam penjara. Dalam kes *Public Prosecutor v Goh Chooi Guan* di mana tertuduh dalam kes tersebut mengadapi dua pertuduhan yang serupa dengan tertuduh dalam kes di hadapan mahkamah sekarang telah dibebaskan atas jaminan sementara menunggu perbicaraan. Yang Arif Hakim Syed Agil Barakbah (ketika itu) menyatakan latar belakang fakta kes itu seperti berikut:

> The first charge preferred against him under s 8 of the Firearms (Increased Penalties) Act 1971, carries a maximum penalty of imprisonment which may extend to 14 years and with whipping with not less than six strokes. The second charge under s 9(a) of the Arms Act carries a penalty of imprisonment for a term not exceeding seven years or to a fine not exceeding $10,000 or to both such imprisonment and fine. The charges, especially the first, are serious. Secondly, the accused has been remanded in custody ever since arrest and though allowed bail at one stage on 30 December 1975, was again remanded in custody when the bailers were discharged on 22 February 1976 until now.

[17] Oleh itu dalam hal ini, perkara 8 Perlembagaan Persekutuan telah ditimbulkan oleh tertuduh mengenai hak sama rata iaitu 'All persons are equal before the law and entitled to the equal protection of the law'. Jika tertuduh telah ditawarkan jamin oleh pihak pendakwaan ataupun telah dibenarkan jamin oleh mahkamah maka tertuduh sewajarnya mendapat layanan yang sama seperti tertuduh yang lain tersebut.

[18] Dalam kes *Che Su binti Daud v Public Prosecutor* Yang Arif Hakim Gunn Chit Tuan (ketika itu) dalam membenarkan jamin telah merujuk kepada *Mallal's Criminal Procedure* yang telah menyenaraikan faktor-faktor yang boleh diambil kira dalam memutuskan permohonan untuk jamin. Faktor-faktor tersebut adalah:

(a) Sifat dan beratnya kesalahan itu;

(b) Sifat keterangan yang menyokong tuduhan;

(c) Sama ada terdapat alasan-alasan yang munasabah atau tidak untuk mempercayai tertuduh adalah bersalah atas kesalahan itu;

(d) Keberatan dan darjah hukuman yang mungkin dijatuhkan berikutan dengan sabitan;

(e) Jaminan bahawa jika dilepaskan atas jaminan, tertuduh tidak akan, sama ada akan melarikan diri atau menghalang pendakwaan dengan apa cara pun;

(f) Bahaya kesalahan itu diteruskan atau diulangi;

(g) Bahaya saksi-saksi akan diganggu;

(h) Sama ada tertuduh, jika dilepaskan atas jaminan, mungkin akan menggangu keterangan pendakwaan;

(i) Sama ada tertuduh mungkin membentuk keterangan palsu untuk menyokong pembelaannya;

(j) Peluang bagi tertuduh untuk menyediakan pembelaannya;

(k) Perwatakan, kemampuan dan taraf tertuduh; dan

(l) Tempoh tahanan yang lama terhadap tertuduh dan kemungkinan tempoh ini dilanjutkan.

[19] Setelah menimbangkan permohonan tertuduh, masalah kesihatan beliau, jaminan beliau untuk tidak akan menghilangkan diri serta hak kesamarataan tertuduh seperti dijamin di bawah perkara 8 Perlembagaan Persekutuan, saya telah membenarkan permohonan tertuduh untuk dijamin keluar sementara menunggu perbicaraan terhadap beliau dengan menggenakan syarat-syarat yang ketat. Tertuduh Dato' Balwant Singh yang menghadapi tuduhan bunuh di bawah s 302 Kanun Keseksaan telah diberi jamin atas sebab-sebab kesihatan maka tertuduh dalam kes ini wajar dipertimbangkan dan dibenarkan untuk diberi jamin tanpa mengira halangan yang diperuntukkan di bawah s 12 Akta Senjata Api tersebut.

[20] Atas alasan-alasan yang disebutkan di atas, saya telah membenarkan permohonan tertuduh untuk dibebaskan atas jaminan sementara tuduhan terhadap beliau dibicarakan. Saya memerintahkan tertuduh dibebaskan atas jaminan sebanyak RM20,000 dengan dua orang penjamin. Saya mengenakan syarat-syarat tambahan iaitu tertuduh menyerahkan semua dokumen perjalanan termasuk passport antarabangsa untuk simpanan mahkamah serta

tertuduh diarahkan untuk melaporkan diri ke balai polis yang berhampiran dengan tempat kediamannya sekali dalam setiap dua minggu.

Permohonan dibenarkan.

Dilaporkan oleh Ashgar Ali Ali Mohamed